

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, July 9, 2018 2:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sabar Dan Cekal Hati Jalani Ibadah Untuk Dapat Haji Mabrus



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

9 JULAI 2018 / 25 SYAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SABAR DAN CEKAL HATI JALANI IBADAH UNTUK DAPAT HAJI MABRUR



UUM ONLINE: Staf universiti yang bakal mengerjakan haji pada tahun ini dinasihatkan untuk banyak bersabar dan cekal hati sepanjang mengerjakan ibadah Rukun Islam kelima itu bagi mendapatkan haji mabrur.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, bakal jemaah haji tersebut bukan sahaja perlu kuatkan fizikal, malah rohani, mental dan psikologi diri masing-masing.

Menurutnya, nawaitu atau niat juga perlu bersih semata-mata untuk melakukan ibadah kerana Allah dan bukan kerana ingin mengejar gelaran Haji atau Hajah.

"Manfaatkan peluang yang diberikan ini untuk menumpukan pada ibadah haji, pergi dengan lapang dada dan jaga kesihatan sepanjang menunaikan ibadah haji tersebut.

"Peluang ini adalah ketentuan Allah dan kita hanya mampu berusaha, namun di akhirnya ia ditentukan juga olehNya sehingga membolehkan staf universiti ini dapat ke tanah suci Mekah," katanya pada Majlis Meraikan Staf UUM Yang Mengerjakan Haji 2018M/1439H di Sri Delima, pagi tadi..

Seramai 22 staf UUM bertuah telah dipilih Tabung Haji untuk mengerjakan ibadah haji tahun ini yang mana ada antaranya akan menaiki penerbangan pertama pada 14 Julai ini.

Naib Canselor berkata, diharap semua bakal jemaah haji itu nanti tidak melupakan untuk berdoa kepada universiti dan kesejahteraan orang lain juga, seterusnya memanfaatkan 40 hari diberikan untuk beribadah tanpa gangguan.

Sementara itu, bakal jemaah, Norhashimah Md Akhir yang juga Setiausaha Pejabat di Jabatan Canselori berkata, dia bersyukur kerana mendapat peluang untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini setelah menanti sekian lama.

"Saya dimaklumkan tentang peluang ini sehari sebelum umat Islam menyambut Syawal dan perasaan saya gembira bercampur gementar kerana pertama kali akan menjejakkan kaki ke Mekah untuk menunaikan Rukun Islam kelima ini.

"Saya berharap dapat memanfaatkan kesempatan diberikan ini untuk memberi tumpuan kepada amal ibadah ini dan diberikan kesihatan yang baik," katanya yang akan menaiki penerbangan pada 19 Julai.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.